

# LAWATAN KERJA AKS KEJURUTERAAN DAN JURUTERA TUDM KE SYARIKAT G7 AEROSPACE SDN BHD

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4891-lawatan-kerja-aks-kejuruteraan-dan-jurutera-tudm-ke-syarikat-g7-aerospace-sdn-bhd](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4891-lawatan-kerja-aks-kejuruteraan-dan-jurutera-tudm-ke-syarikat-g7-aerospace-sdn-bhd)

CYBERJAYA, 26 Apr 19 – Bahagian Kejuruteraan Markas Tentera Udara (MTU-Kej) telah menganjurkan satu lawatan kepada AKS Kejuruteraan, Mej Jen Dato' Ir. Razali bin Abd Ghani TUDM bersama jurutera dan anggota TUDM yang bertugas di MTU, DGTA, MPBU dan juga PUSPEKA ke Syarikat G7 Aerospace Sdn Bhd.

Lawatan yang dirancang ini adalah merupakan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MTU-Kej bagi tahun 2019. Antara objektif lawatan adalah untuk memahami perkhidmatan dan penyampaian syarikat G7 Aerospace Sdn Bhd sebagai salah satu industri pertahanan negara. Selain itu, lawatan ini juga dapat menilai potensi syarikat tersebut di dalam usaha jalinan kerjasama dengan TUDM.



